

Minta negeri wartakan SPAH

» *Atasi krisis bekalan air; jadikan kita warga berhemah*

Oleh Nurhasyima Hasim
nurhasyima@bh.com.my

■ Melaka Tengah

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan meminta semua negeri mewartakan pemasangan sistem pengumpulan air hujan (SPAH) bagi kawasan pembangunan baru.

Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata sejak takat ini hanya enam negeri mewartakan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS) berkaitan perkara itu iaitu Perak, Selangor, Johor, Melaka, Kelantan dan Perlis.

Sudah dipersetujui MNKT

Beliau berkata, pelaksanaan sistem itu sudah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada Mac 2012.

“Saya harap selepas ini setiap negeri mengambil langkah mewartakannya untuk kebaikan semua pihak.

“Ia khusus bagi mengatasi kemelut bekalan air, selain



Abdul Rahman (dua dari kanan) ketika merasmikan Mesyuarat JPPBT 2014 di Hotel Equatorial, di Melaka Tengah, semalam.

[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]

menjadikan kita warga berhemah. Pengguna juga tidak perlu bergantung 100 peratus kepada bekalan air paip kerana air hujan walaupun sedikit pada musim kemarau, masih dapat dikumpulkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2014 di Hotel Equatorial di sini, semalam.

Hadir sama, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ar Ismail Othman dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Arpah Abdul Razak.

Abdul Rahman berkata, pe-

laksanaan SPAH penting berikutan situasi beberapa negeri yang terpaksa mencatu bekalan air kerana paras air di kolam tadahan merosot akibat cuaca panas berpanjangan baru-baru ini.

“Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), 34 peratus air yang dirawat dapat dijimatkan sekiranya SPAH diaplikasi dengan baik.

“Mengikut kajian juga, air hujan tergolong di bawah Kelas IIB dalam Kelas Kegunaan Air dan boleh digunakan untuk tujuan luaran seperti membasuh kereta dan menyiram pokok bunga, sekali gus

membolehkan air dirawat dapat dimanfaatkan untuk tujuan lebih berfaedah,” katanya.

Pada sidang media kemudian, mengulas mengenai rungutan pemaju mengenai kos yang tinggi untuk memasang SPAH, Abdul Rahman berkata pemaju boleh mengadakan perbincangan dengan bakal pemilik bagi melaksanakan sistem terbabit.

“Pemaju boleh mulakan dengan projek perumahan persendirian. Biarlah rumah itu mempunyai SPAH dan saya kira sekarang ini jika dirunding betul-betul dengan rakyat, mereka akan memahami kebaikan perkhidmatan itu,” katanya.